Kajian Keberkesanan Penggunaan EPanduan Solat Untuk Meningkatkan Kemahiran Dalam Bacaan Solat

Nor Aryada binti Mahmad[1, a)], Wan Zamilah binti Wan Ibrahim[2, b)], Mohd Zohdi bin Said[3, c)]

[1,2,3]*Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kota Bharu, KM 24 Kok Lanas, Ketereh kelantan*

Author Email:
[a)] aryada@pkb.edu.my
[b)]zamilah@pkb.edu.my
[c)]zohdi@pkb.edu.my

Received 15 October 2024, Accepted 5 December 2024, Published on 3 Fabruary 2025

Abstrak: Aplikasi ePanduan Solat telah dibangunkan untuk membantu pelajar menghafal bacaan dalam solat, memahami maksud ayat dan mendengar alunan bacaan yang betul. Aplikasi ini dibangunkan berdasarkan konsep *e-learning* yang mana pengguna dapat belajar secara kendiri. Aplikasi ini adalah mudah dan fleksibel kerana hanya menggunakan kod QR yang akan membawa pengguna ke lawan sesawang berkaitan dengan bahan ilustrasi yang sudah tersedia. 128 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar politeknik terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan aplikasi ePanduan Solat adalah sangat membantu para pelajar meningkatkan cara bacaan dalam solat kerana mereka dapat membetulkan bacaan mereka dengan mudah. Sekaligus ini menunjukkan aplikasi ini adalah berkesan untuk membantu memperbaiki solat mereka. Kesimpulannya, aplikasi ePanduan Solat adalah berkesan untuk meningkatkan mutu pelaksanaan solat melalui bacaan yang betul.

Kata kunci: pelaksanaan solat, bacaan dalam solat

PENGENALAN

Solat merupakan salah satu daripada lima rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap muslim yang baligh dan berakal. Firman Allah dalam surah Adz-Dzariyaat:56 menyebut " Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku" (Al-Quran) menegaskan tentang suruhan ke atas ibadah solat. Justeru, orang yang meninggalkan solat adalah dianggap melakukan dosa besar (Al-Quran, Surah Maryam: 59-60). Penghayatan solat yang mendalam adalah penting bagi memastikan ibadah yang dilaksanakan mempunyai kualiti dan membawa kesan positif kepada kehidupan individu. Ia merupakan elemen penting dalam pembentukan akhlak dan sahsiah setiap orang Islam (4). Sehubungan itu, program pendidikan Islam di sekolah-sekolah dan institusi pengajian dirancang dan dilaksanakan untuk memperkukuh kefahaman dan pengamalan agama dalam kalangan pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

Penghayatan solat yang mendalam adalah elemen penting dalam kehidupan seorang muslim, kerana ia mencerminkan kualiti ibadah yang dilaksanakan dan impaknya terhadap sahsiah dan kehidupan harian individu (9). Namun begitu, walaupun banyak program pendidikan Islam telah dilaksanakan dalam masyarakat terutamanya di sekolah- sekolah dan institusi pengajian yang lain dengan tujuan untuk memperkukuhkan kefahaman dan amalan agama dalam ahli masyarakat, beberapa kajian menunjukkan bahawa penghayatan solat dalam komuniti masih rendah dan sederhana. Abd. Aziz et al. (1) melaporkan bahawa 73% responden tidak dapat membaca doa qunut dengan baik, manakala 47% keliru dalam bacaan tahiyat akhir. Hamzah et al. (2024) mendapati kemahiran membaca al-Quran, penghayatan solat lima waktu, solat Jumaat dan solat berjemaah di

masjid berada pada tahap sederhana. Roslan dan Zainuri (12) juga mendapati penghayatan solat dalam kalangan pelajar adalah rendah terutamanya dalam menjalani ibadah solat Subuh. Ahmad et al. (2) mendapati bahawa walaupun pelajar memahami kepentingan solat, penghayatannya masih kurang memuaskan disebabkan oleh faktor seperti pendekatan pengajaran yang tidak menarik dan kurangnya sokongan dari persekitaran sekolah.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Isu berkaitan pelaksanaan solat terutamanya dalam kalangan pelajar telah banyak dibincangkan dalam banyak kajian. Kajian-kajian ini telah mengenal pasti beberapa faktor yang menjurus kepada pengabaian solat. Di antara faktor yang menjadikan pelajar kurang penghayatan dalam mengerjakan solat adalah kurang pengetahuan dan Kemahiran mengenai bacaan dalam solat. Berdasarkan isu ini, Aplikasi ePanduan Solat telah dibangunkan sebagai satu cara untuk membantu pengguna mempelajari cara-cara mengerjakan solat dan bacaan dalam solat dengan betul dan seterusnya dapat membantu mereka dalam meningkatkan penghayatan dalam ibadah solat. Aplikasi ini menggunakan konsep pembelajaran kendiri melalui pembelajaran secara “e-learning”. Pembelajaran melalui kaedah ‘e-learning’ ini membuka ruang kepada pelajar untuk belajar di mana sahaja mereka berada. Pengguna dapat menggunakan aplikasi ini lebih mudah kerana ia bersifat fleksibel. Untuk mengakses aplikasi ini, pengguna hanya memerlukan *smartphone* dan kod QR. Cara menggunakan aplikasi ini adalah sangat mudah kerana pengguna hanya perlu mengimbas kod QR dengan telefon untuk mengakses informasi tentang bacaan solat. Pengguna dapat mendengar suara melafaz bacaan dalam solat dan pada masa yang sama dapat membaca maksud bacaan tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui keberkesanan aplikasi ePanduan Solat dalam kalangan pelajar iaitu:

1. Menilai keberkesanan aplikasi ePanduan Solat dalam meningkatkan penghayatan dalam mengerjakan solat dalam kalangan pelajar.
2. Mendapatkan maklum balas pelajar mengenai pengalaman mereka menggunakan bahan inovasi tersebut.

PERSOALAN KAJIAN

1. Sejauh manakah bahan inovasi tersebut berkesan dalam meningkatkan pengetahuan teori dan praktikal solat pelajar?
2. Apakah persepsi pelajar terhadap aplikasi ePanduan Solat?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah penting kerana ia memberikan pandangan keberkesanan aplikasi ePanduan Solat terhadap penghayatan solat di kalangan pelajar terutamanya dari segi meningkatkan kualiti bacaan dalam solat. Ini kerana peningkatan dalam bacaan dalam solat tidak hanya memperbaiki aspek rohani mereka, tetapi juga boleh memberi kesan positif terhadap keseluruhan prestasi akademik dan sosial.

Akhirnya, dari sudut penyelidikan akademik, kajian ini bukan sahaja memberi manfaat kepada individu dan institusi pendidikan, tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhan dalam usaha membentuk generasi muslim yang berilmu, berakhlak, dan berdisiplin.

SOROTAN LITERATUR

(a) Solat dan hubungkait dengan pembentukan akhlak

Solat adalah salah satu daripada lima rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap muslim. Menurut Al-Ghazali dalam kitab "Ihya' Ulumuddin," solat merupakan ibadah yang paling penting kerana ia adalah tiang agama dan mempunyai kesan besar dalam mendisiplinkan diri serta meningkatkan spiritual seseorang. Solat yang dihayati dengan baik dapat membentuk akhlak yang mulia, mengurangkan kecenderungan terhadap maksiat, dan meningkatkan kesedaran diri serta hubungan dengan Allah (Al-Ghazali, 2022).

Sulaiman dan Zulkifli (13) mendapati bahawa penghayatan dalam pelaksanaan ibadah solat memberikan implikasi yang besar kepada pembentukan akhlak dan sahsiah dalam kalangan pelajar sekolah. Kajian oleh Rahman et al. (11) pula meneliti peranan guru dalam meningkatkan penghayatan solat di kalangan pelajar. Kajian ini mendapati bahawa guru yang menunjukkan contoh tauladan yang baik dan menggunakan pendekatan pengajaran yang inklusif dan memahami keperluan pelajar dapat memberi impak positif terhadap penghayatan solat. Guru yang lebih terlibat secara emosional dan spiritual dengan pelajar mereka cenderung untuk membantu pelajar mencapai penghayatan solat yang lebih baik.

Zainuddin et al. (14) menilai keberkesanan modul pengajaran solat yang interaktif dalam program pendidikan Islam. Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan modul yang interaktif dan melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran dapat meningkatkan penghayatan solat dengan signifikan. Pelajar yang terlibat dalam aktiviti praktikal dan simulasi solat menunjukkan peningkatan dalam pemahaman dan penghayatan solat mereka.

Kesemua kajian ini menunjukkan bahawa penghayatan solat di kalangan pelajar boleh dipertingkatkan melalui pendekatan pengajaran yang berkesan, modul interaktif, dan sokongan guru. Kajian ini akan menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai kesan program pendidikan Islam terhadap penghayatan solat, serta menyediakan cadangan untuk penambahbaikan program pendidikan Islam di sekolah.

(b) Isu dalam pelaksanaan solat

Seseorang individu muslim akan dapat meningkatkan sahsiah diri apabila dia menghayati dan mempraktikkan ibadah solat dengan betul. Namun begitu, terdapat juga kajian yang menunjukkan terdapat isu-isu dalam pelaksanaan ibadah ini yang membawa kepada pengabaian solat dalam kalangan pelajar dan remaja.

Sulaiman dan Zulkifli (13) mendapati walaupun tahap kefahaman pelajar terhadap solat fardu adalah tinggi, tahap amalan solat fardu pula berada pada tahap yang rendah. Abd. Aziz et al. (1) juga mendapati sebahagian besar daripada responden tidak melaksanakan ibadah solat fardu kerana beberapa faktor seperti tidak menguasai bacaan dalam solat seperti doa qunut dan doa iftitah kerana tidak dapat menghafaz dengan baik, malas, leka kerana bermain gajet serta takut lambat ke kuliah. Mengikut Muhamad et al. (10), pengaruh rakan sebaya dan persekitaran yang tidak sihat seperti suasana tidak harmonis di rumah telah memberi pengaruh yang buruk kepada remaja yang menyebabkan mereka tidak melaksanakan solat. Huzairi dan Abidin (8) mengkaji hubungkait di antara ketagihan permainan atas talian dan pelaksanaan solat. Kajian mereka mendapati responden gagal melaksanakan solat fardu dengan baik permainan sebegini menjadikan mereka lewat untuk mengerjakan solat selain menjadikan mereka tidak khusyuk.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif berbentuk tinjauan dan instrumen pengumpulan data yang digunakan adalah soal selidik. Soal selidik tersebut direka bentuk untuk mendapatkan maklum balas pelajar mengenai pengalaman mereka menggunakan bahan inovasi ePanduan Solat. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada tiga bahagian utama: bahagian pertama merangkumi maklumat demografi responden, bahagian kedua menilai keberkesanan bahan inovasi ePanduan Solat menggunakan skala Likert 5 mata, iaitu 5 Sangat Setuju (SS), 4 Setuju (S), 3 Neutral (N), 2 Tidak Setuju (TS), dan 1 Sangat Tidak Setuju (STS), dan bahagian ketiga adalah mengenai persepsi pelajar tentang bahan inovasi ePanduan Solat yang juga menggunakan skala Likert 5 mata.

Seramai 128 orang responden dari tiga buah politeknik telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada pelajar lelaki (46.1%) dan pelajar perempuan (53.9%) dari pelbagai program pengajian. Mereka dipilih melalui persampelan rawak. Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden mengikut jantina, manakala Jadual 2 menunjukkan bilangan responden mengikut politeknik.

JADUAL 1. Bilangan responden mengikut jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	59	46.1%
Perempuan	69	53.9%

JADUAL 2. Bilangan responden mengikut institusi

Institusi	Bilangan	Peratus
Politeknik Kota Bharu	123	96.1%
Politeknik Jeli	4	3.1%
Politeknik Kuala Terengganu	1	0.8%

Soalan kajiselidik telah diedarkan kepada responden melalui pautan link Google Form. Data kajian telah dianalisa melalui Google Form menggunakan peratusan.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang diperolehi melalui Bahagian B dan C adalah seperti berikut:

Bil.	Pernyataan	STS (1)	TS (2)	N (3)	S (4)	SS (5)
	Keberkesanan ePanduan Solat					
1	Saya berasa menarik untuk belajar bacaan solat dengan menggunakan inovasi ini.	0.8	0	2.3	27.1	69.8
2	Saya dapat memahami makna bacaan solat setelah menggunakan inovasi ini.	0.8	0	3.1	27.9	68.2
3	Saya boleh belajar bacaan solat melalui inovasi ini pada bila-bila masa terluang.	0.8	0	3.1	27.1	69
4	Inovasi ini dapat meningkatkan cara bacaan dalam solat saya.	0.8	0	3.1	22.5	73.6
5	Inovasi ini membantu dalam memperbaiki mutu solat saya.	0.8	0	3.9	24.2	71.1
	Persepsi Pelajar Terhadap Bahan Inovasi ePanduan Solat					
6	Rekabentuk tulisan yang digunakan sangat jelas.	0.8	1.6	3.1	30.2	64.3
7	Suara bacaan yang dialunkan boleh didengar sangat jelas.	0.8	0	3.9	31	64.3
8	*QR code* dalam inovasi ini sangat mesra pengguna kerana mudah dibuka hanya menggunakan telefon bimbit.	0.8	0	2.3	24.2	72.7

Secara keseluruhannya, maklumbalas yang diterima bagi kedua-dua bahagian melalui pautan *link Google Form* adalah sangat baik. Item nombor 4 iaitu Inovasi ini dapat meningkatkan cara bacaan dalam solat saya mendapat skor yang paling tinggi iaitu 73.6% iaitu sangat setuju. Ini kerana inovasi ini memaparkan ayat serta cara bacaan yang betul beserta maknanya untuk panduan pengguna. Item nombor 6 iaitu Rekabentuk tulisan yang digunakan sangat jelas dan item nombor 7 iaitu Suara bacaan yang dialunkan boleh didengar sangat jelas mendapat skor yang paling rendah iaitu 64.3%, iaitu sangat setuju. Item nombor 6 mendapat peratus skor yang paling rendah disebabkan paparan dalam *smartphone* adalah terbatas kerana skrin yang kecil. Item nombor 7 pula mendapat peratus skor yang rendah disebabkan suara bacaan terganggu dengan bunyi persekitaran. Ini menyebabkan pelajar perlu menggunakan ‘ear-phone’ untuk bunyi yang lebih jelas.

PERBINCANGAN

Soalan 1: Sejauh manakah bahan inovasi tersebut berkesan dalam meningkatkan pengetahuan teori dan praktikal solat pelajar?

Dapatan kajian mendapati ePanduan Solat adalah berkesan dalam meningkatkan pengetahuan teori dan praktikal solat pelajar kerana pelajar dapat meningkatkan mutu solat mereka dengan mendengar cara bacaan dan memahami bacaan tersebut.

Soalan 2: Apakah persepsi pelajar terhadap aplikasi ePanduan Solat?

Dapatan kajian menunjukkan aplikasi ePanduan Solat adalah inovasi yang baik kerana mempunyai ciri-ciri yang dapat menarik minat pelajar untuk menggunakannya dalam mempertingkatkan ibadah solat iaitu senang diakses, mudah digunakan, mudah dibaca dan bunyi yang jelas.

KESIMPULAN

Penggunaan bahan inovasi seperti ePanduan Solat berbentuk kod QR membawa pelbagai kebaikan untuk meningkatkan mutu dalam pelaksanaan solat. Melalui pembelajaran kendiri yang disokong oleh QR kod, pengguna dapat menyebut bacaan solat dengan lebih baik dan memahami maknanya dengan lebih mendalam. Penghayatan dalam ibadah solat juga dipertingkatkan melalui penggunaan teknologi ini. Kelebihan QR kod termasuk fleksibilitinya yang membolehkan pengguna menyimpannya dalam telefon mudah alih, serta membantu dalam memudahkan hafalan bacaan-bacaan penting dalam solat. Ini membuktikan bahawa inovasi dalam teknologi dapat memberikan sumbangan yang besar dalam konteks pendidikan keagamaan.

RUJUKAN

1. Abd Aziz, N. B., Radzi, M. B. B. M., & Noor, N. B. M. (2021). Penguasaan Bacaan Dan Pelaksanaan Solat Di Kalangan Pelajar Muslim Di Politeknik. In *UnIPSAS Conference and Proceedings* (Vol. 1, No. 1, pp. 251-256).
2. Ahmad, A., Ibrahim, S., & Ismail, N. (2023). *Penghayatan Solat di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. Jurnal Pendidikan Islam*, 15(2), 123-135.
3. Al-Quran.
4. Asari, M. A. A., Rosdi, R. M., & Mahdi, M. F. (2020). Amalan Solat Berjemaah dalam Membentuk Akhlak Pelajar Politeknik Metro. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning*, *4*(1), 73-83.
5. Daulay, A. F., Oktaviola, S., Prabaswara, A. H., & Nabilah, N. (2024). Peranan Pendidikan Islam dalam Meningkatkan Akhlak Siswa di Sekolah Bidayatul Hidayah IV. El-Mujtama. *Jurnal Pengabdian Masyarakat*, 4(4), 2018-2026.
6. Hamzah, N., Yaacob, A. C., & Jamaluddin, N. H. (2024). Kajian Penghayatan Ibadah Dan Kemahiran Al-Quran Dalam Kalangan Penduduk Pulau Tinggi, Mersing Johor. *Al-Hikmah*, *16*(1), 51-67.
7. Hasan, S. A., Yahya, M. A., & Ibrahim, A. F. (2021). Implikasi Program Amali Solat Dalam Pembentukan Akhlak Pelajar: Kajian Di Sekolah Menengah Daerah Alor Gajah, Melaka. *Jurnal'Ulwan*, 6(3), 149-178.
8. Huzairi, M. H. I., & Abidin, M. S. Z. (2023). Pengaruh Permainan dalam Talian Terhadap Pelaksanaan Solat Pelajar Sekolah Menengah [The Effect of Online Games on Performing Prayers of Secondary School Students]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, *6*(1), 70-80.
9. Mohd Mansor, S. K., Abd Rahim, S. I., & Zainal, N. H. (2021). Kajian tahap penghayatan solat fardu dan faktor pelaksanaannya dalam kalangan mahasiswa UiTM Shah Alam. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS),* 7(2), 79-98.
10. Muhamad, S. S., Mastor, K. A., & Nazirah, S. (2021, September). Faktor Pengabaian Solat Fardu Dalam Kalangan Remaja di Negeri Sembilan. In *International Virtual Conference On Liberal Studies 2021* (p. 8).
11. Rahman, R., Aziz, M., & Hamid, A. (2022). *Peranan Guru dalam Meningkatkan Penghayatan Solat di Kalangan Pelajar*. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 9(3), 78-90.
12. Roslan, M. M., & Zainuri, A. O. (2023). Hubungan Tahap Kefahaman dan Pengamalan Solat Fardu Terhadap Hasil Pembelajaran Kursus Fiqh al-Ibadat dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). *Al-Takamul al-Ma'rifi*, *6*(1), 1-12.

13. Sulaiman, M. K., & Zulkifli, H. (2021). Implikasi Solat Terhadap Akhlak dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah: The Implications of Prayer Worship on Morals Among Primary School Students. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, *5*(1), 1-13.
14. Zainuddin, Z., Yusof, M., & Latif, R. (2023). *Keberkesanan Modul Pengajaran Solat Interaktif dalam Program Pendidikan Islam*. *International Journal of Islamic Studies*, 10(1), 45-60.